

24/10/2003

Felda kembang khidmat D'Saji ke London

FELDA bercadang mengembangkan perkhidmatan katering anak syarikatnya D'Saji, ke London selewat-lewatnya pada April tahun depan, kata Pengerusinya, Tan Sri Dr Yusof Noor.

Katanya, D'Saji ditawarkan oleh Jabatan Penuntut Malaysia di London untuk menyediakan perkhidmatan katering kerana prestasi memberangsangkan yang ditunjukkannya selama ini.

"Dengan pengembangan perkhidmatan D'Saji ke London, ia akan menjadi asas kepada kita untuk mengembangkan pelbagai kegiatan Felda di luar negara.

"Ia selaras dengan hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu Felda menjadi jenama antarabangsa," katanya selepas merasmikan majlis promosi bufet berbuka puasa D'Saji di Kuala Lumpur, semalam.

Yusof berkata, rekod baik D'Saji menyediakan perkhidmatan katering memang dikenali peminat makanan tradisional Malaysia, sama ada oleh warga tempatan atau luar negara.

Katanya, D'Saji memang berhasrat mengembangkan perkhidmatan ke luar negara dan permintaan masyarakat Malaysia di London memang kena tepat pada masanya.

Beliau berkata, London menjadi pilihan pertama untuk mengembangkan perkhidmatannya berdasarkan potensinya yang baik dan permintaan yang tinggi.

D'Saji yang berpengalaman 10 tahun dalam bidang katering mempunyai lebih 130 orang pekerja dan 60 peratus daripadanya adalah anak peneroka Felda.

Perkhidmatan bufet berbuka puasa D'Saji adalah yang kedua diadakan. Sejumlah 11,000 orang menggunakan perkhidmatan katering D'Saji untuk berbuka puasa tahun lepas.

Tahun ini, 60 resipi masakan disediakan meliputi menu makanan tempatan pelbagai kaum dengan pada harga RM36 seorang untuk dewasa dan RM20 seorang kanak-kanak.